

Nama Kolum: Perbendaharaan Rahsia Raja (21)

Nama Pena: Bonda Tun

Tarikh: 15/08/17

Bismillahirrahmanirrahim

Istilah demokrasi berasal dari perkataan Greek *demos* yang bermakna rakyat, dan *kratos* yang bermakna perintah. Istilah ini pada dasarnya mempunyai tiga bentuk iaitu;

Pertama: Bentuk kerajaan yang mana individu rakyat mempunyai kuasa mutlak secara langsung dalam urusan pemerintahan negeri. Sistem ini dipraktikkan dalam zaman Greek kuno tetapi kemudiannya terlupus kerana tidak praktikal untuk negeri yang mempunyai ramai penduduk. **Kedua:** Bentuk kerajaan yang disebut Demokrasi Berperwakilan, iaitu individu rakyat mempunyai kuasa mutlak tetapi kuasa tersebut dimandatkan kepada wakil-wakil rakyat yang bertanggungjawab menjaga kepentingan mereka. **Ketiga:** Bentuk kerajaan yang hampir sama seperti Demokrasi Berperwakilan. Bagaimanapun kuasa majoriti rakyat adalah dibataskan dalam undang-undang perlembagaan bagi menjamin semua peringkat rakyat mempunyai beberapa hak individu atau hak kolektif seperti kebebasan bersuara dan kebebasan beragama. Demokrasi jenis ini dikenali sebagai Demokrasi Berparlimen.

Sistem pemerintahan di negara Malaysia merupakan sistem yang menggabungkan bentuk Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan, suatu bentuk sistem yang unik, menggabungkan ciri-ciri pemerintahan tradisional dengan elemen-elemen pemerintahan moden.

Sistem demokrasi mutlak seperti dalam bentuk Pertama dan Kedua di atas, yang berpandukan kepada falsafah barat merupakan lanjutan daripada fahaman sekularisme, iaitu pemerintahan manusia bukan mengikut panduan agama, tetapi berdasarkan kehendak majoriti rakyat yang mana dewasa ini ramai yang lebih suka bersikap bebas lepas dan bebas laku dan tidak suka dikekang oleh peraturan agama. Oleh itu jika kuasa undi diserahkan kepada golongan ini, dibimbangi faktor agama tidak akan diambil kira dalam pemilihan calon pemimpin, mereka akan lebih cenderung memilih pemimpin yang hanya mampu menjaga kepentingan hawa nafsu serta duniawinya semata-mata.

Hakikatnya, sistem demokrasi mutlak yang dicanangkan oleh dunia barat sebenarnya menghapuskan hak-hak Tuhan dalam hal pemerintahan umat manusia. Ironisnya, yang menggantikan Tuhan tidak lain melainkan golongan KAPITALIS yang bertuankan kepada murabin-murabin Yahudi Zionis antarabangsa itu!! Apatah lagi dalam urusan pemerintahan umat Islam! Sistem demokrasi barat berpotensi meletakkan umat Islam di telapak kaki-telapak kaki golongan sekular dan liberal kerana ia berpegang pada prinsip-prinsip kebatilan seperti berikut;

Memberikan nilai yang sama dan hak sama taraf kepada semua agama. Bermakna hak, nilai, kepentingan dan peranan agama Islam adalah sama dengan agama lain. Umat Islam juga menjadi sama nilai dan sama hak dengan orang-orang bukan Islam, liberal dan ateis, sedangkan Islam itu wajib diletakkan pada semulia-mulia tempat sepertimana sabda Rasulullah ﷺ: “Islam itu tinggi dan tiadalah sesuatu pun yang lebih tinggi daripadanya” (HR Imam Ahmad)

Sistem demokrasi barat perpegang pada pendirian kuasa majoriti rakyat yang jelas mempunyai banyak kepincangannya itu. Cuba bayangkan jika majoriti rakyat yang mengundi adalah orang-orang fasiq, munafik, liberal, ateis, murtad dan bukan Islam yang jauh melebihi orang-orang Islam yang bertaqwa, ataupun pemerintah yang korup mengagih-agihkan kawasan pengundian supaya undi orang-orang Islam dapat dipecah-pecahkan, maka sudah tentu yang akan naik ialah pemimpin-pemimpin yang korup seperti mereka juga. Adakah dalam tangan kepemimpinan yang korup ini konsep-konsep Islam yang murni dapat diperjuangkan??

Bagaimana pula jikalau majoriti pengundi adalah orang-orang fasiq, liberal, dan bukan Islam, dan mereka menuntut untuk dibina prasarana hiburan yang bercorak maksiat dan lagha, membela rumah-rumah perjudian, kelab-kelab malam, atau menyokong golongan murtad dan ateis, adakah pada golongan ini harus dipertaruhkan kepemimpinan dan masa hadapan negara dan umat Islam?

Bagaimana pula jika seorang calon itu menang hanya dengan kelebihan satu undi, bukankah itu sebagai model perjudian atau umpama suatu pertandingan olahraga?

Hakikatnya, sistem demokrasi mutlak tidak mempunyai pemagar yang berkesan untuk membentengi golongan-golongan yang tidak layak dari terlibat dalam urusan memilih kepemimpinan negara. Ini berbeza dengan kaedah pemilihan dalam corak pemerintahan bercirikan *Fiqh Siyasi*, yang tidak mengambil mandat rakyat, sebaliknya mengambil mandat Allah semata-mata. Ianya jelas memberi garis panduannya mengenai ciri-ciri mereka yang layak terlibat dalam proses pemilihan *Ulil Amri* iaitu seperti golongan *ahl al-hall wa al-aqd*, iaitu mereka yang mempunyai ilmu dan kepakaran dalam urusan pemilihan kepemimpinan negara menurut kehendak Islam.

Rasulullah ﷺ bersabda: *“Jika amanat telah disia-siakan, tunggu sahaja kehancuran terjadi.”* Ada seorang sahabat bertanya; *‘bagaimana maksud amanat disia-siakan?’* Nabi menjawab; *“Jika urusan diserahkan bukan kepada ahlinya, maka tunggulah kehancuran itu.”* (HR Bukhari)

Meletakkan urusan pemilihan pemerintah di tangan rakyat semata-mata, yang sudah tentu bukan ahlinya, sangat berbeza dengan konsep Islam iaitu pemilihan *Ulil Amri* melalui perlantikan oleh Anggota Pemilih (*ahl al-hall wa al-aqd*) atau *Ulil Amri* yang sebelumnya, yang mana mereka perlu mempunyai ciri-ciri kelayakan yang telahpun ditetapkan oleh Allah SWT sendiri menurut *Fiqh Siyasi*, bukan oleh rakyat jelata.

Walaupun sesetengah pihak berpendapat bahawa sistem demokrasi barat adalah ditanam benihnya dari sumber Islam kerana mempunyai ciri-ciri murni seperti memperjuangkan hak golongan tertindas (*Mazluma*), bersifat kemanusiaan (*Insaniah*), ruang memberikan pendapat (*Huriyah Arrakya*), ruang mengkritik (*Muhasabah*) dan ombudsman (*Hisbah*) serta kebebasan beragama (*La ikrahaah fid din*), namun ia tetap tercemar sebagaimana banyak falsafah-falsafah barat yang lainnya kerana telah bercampur aduk antara kebenaran dan kebatilan sehingga tidak mungkin dapat disucikan kembali.

Ringkasnya sistem demokrasi barat seperti yang diamalkan oleh kebanyakan negara dunia hari ini, hatta sebahagian negara-negara umat Islam telah mencampur adukkan perkara-perkara DASAR ATAU POKOK YANG BATIL dengan unsur-unsur kebenaran dan kebaikan yang hanya bersifat RANTING. Percampuran unsur-unsur

kebatilan yang bersifat dasar dengan unsur-unsur kebenaran yang bersifat ranting ini bukan sahaja boleh mencetuskan kesamaran yang amat mengelirukan, tetapi juga menyebabkan ianya mudah dieksploitasi oleh pihak-pihak yang berkepentingan di sebalik kesamaran yang tercetus itu.

Malahan kebatilan yang bersifat dasar akan mencemari unsur-unsur kebenaran yang bersifat ranting, umpama seorang yang diberi susu yang telah tercemar kerana bercampur baur dengan najis air kencing. Bagaimana mahu mengasingkan dan mensucikan kembali susu dari air kencing yang telah bercampur aduk itu? Firman Allah SWT yang maksudnya :

" Apakah kamu beriman dengan sesetengah isi Al-Kitab dan kufur dengan sebahagian yang lain. Tidak ada pembalasan untuk mereka yang berbuat begitu diantara kamu, selain dari kehinaan di dunia manakala di akhirat mereka dipulangkan kepada seksaan yang amat sangat. Dan Allah tidak lengah memerhatikan apa yang kamu kerjakan. " (Al Baqarah: 85)

Wallahu 'alam bissawab. Bersambung ...